

15 NOV 1996

PULANGAN MAKSIMA KEPADA TABUNG AMANAH TERAS UTAMA PNB

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Pulangan maksima kepada tabung amanah Permodalan Nasional Bhd adalah antara faktor utama dalam menentukan sebarang urusan jual-beli ekuiti anak syarikat PNB, kata Ketua Eksekutifnya Datuk Mohd Hilmei Mohd Taib.

"Kami akan meneliti secara terperinci sebarang cadangan yang dikemukakan oleh pihak yang berminat dalam urusan jual-beli (sama ada mereka hendak menjual syarikat mereka kepada PNB ataupun membeli syarikat PNB), asalkan ianya menguntungkan bukan sahaja tabung amanah yang diuruskan oleh kami tetapi juga pelabur-pelaburnya sekali," kata beliau.

Hilmei berkata demikian ketika menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan bukanlah bodoh dalam menjual anak-anak syarikat PNB yang didakwa merugikan pemegang saham.

"Bagaimanapun, PNB masih belum lagi menerima sebarang cadangan yang spesifik daripada mana-mana pihak... kalau ada, kami akan pastikan yang terbaik kepada pelabur-pelabur kami," kata beliau.

Beliau ditemui pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara PNB dan Rampai Semasa Sdn Bhd dan pelancaran Majalah Along oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak hari ini di sini.

Di bawah perjanjian itu, Rampai Semasa dilantik sebagai pengedar tunggal kepada barangan keluaran jenama "Along" yang akan dipasarkan sepenuhnya mulai Januari 1997.

Hilmei berkata PNB perlu teliti dan peka dengan setiap keputusan yang diambil memandangkan pelabur-pelabur yang terlibat terlalu ramai dengan jumlah pelaburan melebihi RM25 bilion.

Menjelas perkara ini, Hilmei berkata dalam menguruskan amanah saham, segala apa yang dilakukan oleh PNB mestilah mengikut apa yang termaktub dalam surat ikatan amanah dan Amanah Raya sebagai pemegang amanah akan memastikan semua perlaksanaan urusan niaga dilakukan dengan secara terbaik.

Semalam, Dr Mahathir ketika menyangkal kritikan oleh Pengarang Kumpulan New Straits Times, Datuk A Kadir Jasin dalam ruangan pojoknya minggunya "Other Thots", berkata kerajaan telah mengambil kira kepentingan lebih empat juta pemegang skim amanah saham PNB dan tidak sama sekali mengorbankan kepentingan mereka semata-mata kerana pendapat orang perseorangan mahu mendapatkan peluang lebih baik bagi diri sendiri.

Perdana Menteri berkata demikian selepas menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia, Measat-2 di Pusat Angkasa Lepas Kourou, French Guiana.

Setakat ini, tiada lagi anak syarikat PNB yang berjumlah 16 buah, terjual kepada sama ada orang perseorangan atau syarikat besar. -- BERNAMA

AA SIA